

LAMPIRAN N.2

POLISI BAGI JENIS PEMAJUAN YANG TIDAK MEMERLUKAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DIKEMUKAKAN KEPADA MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

- 1.1. Polisi ini digunakan oleh Majlis seperti setelah diluluskan oleh Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) pada 26.03.2020.
- 1.2. Polisi ini adalah seperti berikut :
 - i. Pemajuan industri dan bangunan sokongan kepada bangunan industri sedia ada dan kawalan industri tambahan di dalam kawasan Perindustrian Bayan Lepas Fasa I, II, III, IV dan kawasan tambak yang dimajukan oleh PDC. Pemajuan selain dari tujuan industri dan sampingannya tidak dikecualikan oleh Permohonan Kebenaran Merancang.
 - ii. Pemajuan yang tertakluk kepada Garispanduan Pelan Komuniti.
 - iii. Pemajuan :
 - (a) Perumahan sesebuah untuk 1 unit seplot bagi kawasan mengikut pelan perkawasan yang disediakan oleh JPBD Negeri Kawasan Kg. Tersusun Koperasi Serbaguna Gelugor.
 - (b) Perumahan sesebuah untuk 1 unit seplot mengikut pelan pecah sempadan yang telah diluluskan untuk Kawasan Kg. Tersusun Sg. Ara di bawah Koperasi Tunas Muda.
 - (c) Perumahan sesebuah untuk 1 unit seplot mengikut pelan pecah sempadan Pearl Hill.
 - (d) Perumahan sesebuah untuk 1 unit seplot untuk kawasan penempatan semula Nelayan di Kg. Masjid Teluk Kumbar. (Keputusan bertarikh 13.03.1986).
 - iv. Pelan tambahan kepada 1 unit perumahan bertanah (landed perseorangan atau landed strata) yang tidak melebihi 50% dari keluasan asal dan kurang dari 1500 k.p. dan tidak melibatkan peningkatan tingkat (pindaan 1000 k.p. kepada 1500 k.p).
 - v. Pelan pindaan kepada kebenaran merancang untuk pengurangan bilangan unit, bilangan tingkat tetapi tidak melibatkan apa-apa perubahan kepada pecah sempadan dan lain-lain isu perancangan.
 - vi. Pindaan kepada kebenaran merancang untuk ubahsuaian bilangan unit dan kemudahan masyarakat antara blok-blok atau podium tanpa melibatkan tambahan tingkat dan 'form' bangunan (tanpa mengubah anjakan bangunan).
 - vii. Pindaan kepada rumah kedai, ruang komersil, industri, institusi hotel dan lain-lain yang tidak melibatkan sebarang tambahan ruang lantai, ketinggian dan susunatur.
 - viii. Tambahan tingkat basemen untuk utiliti sahaja.
 - ix. Cadangan bangunan 3 tingkat kemudahan masyarakat dan/atau utiliti yang mana tapak telah tercatat dalam pelan kebenaran merancang asal dan diselenggara oleh agensi berkaitan. (Tambahan baru)
 - x. Pembatalan basemen. (Tambahan baru)